

SIARAN MEDIA

NADMA SERAH SATU UNIT JAMBATAN KELULI BERMODULAR (*BAILEY BRIDGE*) KEPADA NEGERI SARAWAK

MIRI, 11 Januari 2025 – Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menyerahkan satu unit Jambatan Keluli Bermodular atau lebih dikenali sebagai *Bailey Bridge* kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak hari ini.

Jambatan tersebut akan dipasang di Kampung Long Banga, Daerah Marudi bagi menghubungkan laluan yang terputus di kawasan tersebut akibat bencana banjir pada pertengahan tahun 2024.

Menurut YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Premier Sarawak I merangkap Pengerusi JPBN Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak amat menghargai tindakan segera pihak NADMA menghantar jambatan tersebut yang kini ditempatkan sementara di Depoh JKR Bekenu.

Ketua Pengarah NADMA, Datuk Khairul Shahril bin Idrus, berkata bahawa pembelian jambatan ini adalah sebahagian daripada langkah memperkukuhkan aset logistik dan kesiapsiagaan bencana negara. Ia dapat menangani situasi kecemasan yang memerlukan penyelesaian pantas sekiranya terhadap kerosakan infrastruktur seperti jambatan dan jalan raya. Inisiatif ini sekaligus dapat mempercepatkan proses normalisasi semula keadaan selepas bencana.

NADMA telah membeli lima (5) unit *Bailey Bridge* pada tahun 2023. Kesemua jambatan ini telah diagihkan untuk kegunaan negeri yang berkeperluan tinggi seperti di Kelantan sebanyak satu (1) unit (diletakkan di Kem Desa Pahlawan di bawah kawal selia RAJD, ATM), JPBN Sabah sebanyak tiga (3) unit dan satu (1) unit lagi diserahkan kepada JPBN Sarawak.

Satu sesi latihan pemasangan dan penyimpanan *Bailey Bridge* yang dijadualkan berlangsung di Pusat Penyimpanan Komponen *Bailey Bridge*, JKR Putatan, Sabah selama 7 hari dari 13 hingga 19 Januari 2025. Seramai 23 peserta terdiri daripada wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (SUK Sarawak) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) akan menghadiri sesi tersebut.

Dengan penyerahan *Bailey Bridge* oleh NADMA ini diharapkan dapat membantu memperkuat infrastruktur sokongan bencana di Sarawak, terutamanya di kawasan-kawasan yang terdedah kepada risiko bencana seperti banjir dan tanah runtuh khususnya kawasan-kawasan yang berisiko tinggi.

###

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengurusan Bencana Negara
11 Januari 2025